

05 JUL 1999

Pelabur-ASN2

ASN2 TERIMA PELABURAN RM50 JUTA SETAKAT INI

KUALA TERENGGANU, 5 Julai (Bernama) -- Amanah Saham Nasional Kedua (ASN2) menerima pelaburan berjumlah RM50 juta sejak ia dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 9 Jun lepas.

Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) Hamad Kama Piah Che Othman berkata jumlah itu melibatkan lebih 6,000 pelabur dari seluruh negara dan bilangannya dijangka meningkat sehingga tempoh promosinya tamat pada 30 Sept ini.

Katanya daripada jumlah itu, lebih 500 orang melabur hampir RM4 juta dengan wang yang dikeluarkan daripada caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Sekarang adalah waktu yang terbaik untuk orang ramai melabur di dalam ASN2 kerana mereka yang melabur sebanyak 1,000 unit akan diberi 20 unit percuma sepanjang tempoh promosi ini," katanya pada sidang media mengenai Pelancaran ASN2 di Terengganu, di sini, hari ini.

Pelancaran itu, yang pertama dilakukan di peringkat negeri sepanjang tempoh promosi, akan dirasmikan oleh Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad esok.

Hamad Kama Piah berkata PNB akan membantu menyegerakan proses pelaburan ASN2 menerusi pengeluaran caruman KWSP termasuk meminta pegawai KWSP hadir sama pada sepanjang program promosi ASN2 di seluruh negara.

PNB meletakkan sasaran pelaburan RM1 bilion menerusi caruman KWSP sehingga promosinya tamat. ASN2 memperkenalkan dua bentuk pelaburan iaitu pelaburan secara menyeluruh dan sasaran kepada satu-satu kumpulan individu.

Tahap maksimum pelaburan yang dibenarkan dalam ASN2 ialah sebanyak RM500,000 seorang dan harga itu kekal RM1 seunit sehingga akhir tahun ini bagi menarik lebih ramai lagi masyarakat di negara ini melabur di dalam saham amanah itu.

Hamad Kama Piah berkata pelabur ASN diminta bersabar ketika keadaan harga saham tidak menentu semasa kegawatan ekonomi, yang menyebabkan harganya jatuh sehingga paras lebih 50 sen seunit.

"Tetapi dengan pemulihan yang berlaku sekarang dan unjuran pertumbuhan ekonomi yang dijangka mencapai tahap positif, harga ASN akan mengikut pasaran saham semasa," katanya.

Sehingga kini sebanyak 2.4 bilion unit saham ASN telah dijual dari had yang diperuntukkan iaitu 2.5 bilion unit dan pelabur ASN masih berpeluang melabur di dalam unit saham itu.

Mengenai persediaan PNB menghadapi masalah komputer alaf baru (Y2K) pada tahun 2000, Hamad Kama Piah berkata setakat ini persediaan menghadapinya berjalan dengan baik dan beberapa ujian telah dijalankan mengikut tarikh-tarikh yang telah ditentukan.

"Para pelabur akan diberitahu dari semasa ke semasa sekiranya ujian Y2K dijalankan oleh PNB bagi memastikan mereka tidak menghadapi kesusahan ketika berurusan dengan kami," katanya.

PNB akan menjalankan beberapa lagi ujian Y2K itu bagi memastikan mereka benar-benar bersedia apabila tiba tahun 2000 nanti, katanya sambil berharap para pelabur terus yakin dengan PNB kerana ia mempunyai rekod yang baik dalam menguruskan dana pelaburan.

-- BERNAMA

SBS NAK